KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA

KHN.0042 Jld 2
9 Ogos 2021

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Rayuan

YA Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Pegawai Penyelidik/Timbalan Pendaftar
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Rayuan/
Mahkamah Tinggi/Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia

ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA
BILANGAN 10 TAHUN 2021
URUSAN DAN PENGENDALIAN PROSIDING KES SIVIL DAN JENAYAH DI MAHKAMAH SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA III

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] dan seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019

Istana Kehakiman, Aras 5, Presint 3, 62506 Putrajaya
Tel : 03-88803502 Fax : 03-88803507

(COVID-19) 2020 [*Akta 829*], saya mengeluarkan Arahan ini bagi memperuntukkan perkara berhubung dengan urusan dan pengendalian prosiding kes sivil dan kes jenayah di Mahkamah-Mahkamah di seluruh Malaysia sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa III seperti yang berikut:

PEMAKAIAN

2. Arahan ini terpakai bagi urusan dan pengendalian kes sivil dan kes jenayah di Mahkamah-Mahkamah yang terletak di lokasi-lokasi yang diisytiharkan sebagai telah memasuki Pelan Pemulihan Negara Fasa III.

3. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak Covid-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia dan Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak Covid-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia Bagi Pengguna Mahkamah (SOP) yang telah diedarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dan telah mula berkuat kuasa pada **27 Januari 2021**.

TAFSIRAN

4. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret;

"Pelan Pemulihan Negara Fasa III" ertinya Pelan Pemulihan Negara Fasa III sebagaimana yang digariskan dalam Tatacara Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 [*P.U.(A)293/2021*];

"sistem e-Kehakiman" ertinya mana-mana sistem aplikasi Mahkamah yang dibangunkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi urusan dan prosiding Mahkamah;

"teknologi komunikasi jarak jauh" mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955.

PEMFAILAN

5. Pemfailan kes sivil dan kes jenayah baharu / notis rayuan dan dokumen-dokumen akan dilaksanakan melalui sistem e-Kehakiman.

PERAKUAN SEGERA ATAU PERMOHONAN SEGERA

6. Urusan berkaitan perakuan segera atau permohonan segera bagi kes sivil dan kes jenayah adalah berdasarkan arahan lanjut daripada –

(a) YAA Ketua Hakim Negara bagi Mahkamah Persekutuan;

(b) YAA Presiden Mahkamah Rayuan bagi Mahkamah Rayuan;

(c) YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman berkaitan bagi Mahkamah Tinggi; dan

(d) Pengarah Mahkamah Negeri bagi Mahkamah Sesyen.

JENIS KES

7. Semua kes sivil yang boleh dikendalikan menerusi teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah diteruskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 mengenai Pengendalian Prosiding Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia ("Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021").

8. Bagi kes-kes sivil yang memerlukan prosiding dijalankan di Mahkamah terbuka, keutamaan hendaklah diberikan kepada kes-kes yang berikut:

(a) kes-kes pra-2021 dengan keutamaan kepada kes sambung bicara;

(b) kes-kes berkepentingan awam; dan

(c) mana-mana kes yang dipohon oleh pihak-pihak untuk dijalankan atas sebab-sebab istimewa dan hal keadaan luar biasa (*special and exceptional circumstances*) termasuklah prosiding melibatkan kes kemalangan jalan raya (*running down cases*), prosiding melibatkan saksi yang berada di luar negara, faktor kesihatan dan keupayaan saksi serta apa-apa hal keadaan lain yang akan dipertimbangkan oleh Mahkamah.

9. Bagi prosiding kes jenayah, penetapan kes yang akan dijalankan di Mahkamah terbuka hendaklah mengikut keutamaan yang berikut:

(a) prosiding rayuan jenayah, notis usul, permohonan jenayah dan semakan jenayah bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan;

(b) prosiding rayuan jenayah, permohonan jenayah dan semakan jenayah bagi Mahkamah Tinggi;

(c) kes-kes untuk—

(i) permohonan reman, pertuduhan baharu dan permohonan jenayah pelbagai;

(ii) pengakuan salah serta fakta dan hukuman;

(iii) pertuduhannya ditarik balik;

(iv) dipindahkan ke Mahkamah Tinggi; dan

(v) keputusan;

(d) kes-kes sambung bicara bagi perbicaraan penuh pra-2021;

(e) perbicaraan kes-kes berkepentingan awam merangkumi kes-kes rasuah, jenayah komersial, alam sekitar, *Habeas Corpus*, keganasan rumah tangga, kanak-kanak, kes-kes di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], kes-kes di bawah seksyen 186 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dan pelanggaran terhadap Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*]; dan

(f) kes-kes perbicaraan penuh yang melibatkan tertuduh dalam tahanan reman.

10. Walau apa pun peruntukan di bawah perenggan 8 dan 9, Mahkamah mempunyai budi bicara untuk menentukan apa-apa kes yang dipohon oleh pihak-pihak untuk dijalankan di Mahkamah terbuka atas faktor-faktor yang berikut:

(a) sebab-sebab istimewa dan hal keadaan luar biasa (*special and exceptional circumstances*);

(b) faktor kesegeraan termasuklah melibatkan faktor kesihatan dan keupayaan saksi;

(c) apa-apa arahan Kerajaan dari semasa ke semasa berkaitan dengan kawalan pergerakan yang diisytiharkan oleh Kerajaan di

bawah Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988; dan

(d) apa-apa hal keadaan lain yang akan dipertimbangkan oleh Mahkamah.

PENETAPAN JUMLAH KES DI MAHKAMAH TERBUKA

11. Penetapan kes sivil harian di Mahkamah terbuka adalah seperti jumlah yang berikut:

MAHKAMAH	PENETAPAN KES SIVIL HARIAN
Mahkamah Persekutuan	Penetapan kes harian untuk dijalankan menerusi teknologi komunikasi jarak jauh adalah dikekalkan
Mahkamah Rayuan	Penetapan kes harian untuk dijalankan menerusi teknologi komunikasi jarak jauh adalah dikekalkan
Mahkamah Tinggi	Sekurang-kurangnya satu (1) Bicara Penuh / Sambung Bicara
Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret	Sekurang-kurangnya : (a) Dua (2) Bicara Penuh / Sambung Bicara; (b) Dua (2) Perbicaraan Kes Kemalangan Jalan Raya

12. Penetapan kes jenayah harian di Mahkamah terbuka adalah seperti jumlah yang berikut:

MAHKAMAH	PENETAPAN KES JENAYAH HARIAN
Mahkamah Persekutuan	Penetapan kes dikekalkan sebagaimana peruntukan dalam perenggan 12 Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 9 Tahun 2021 mengenai Urusan dan Pengendalian Prosiding Kes Jenayah di Mahkamah Semasa Tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa I dan II ("Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 9 Tahun 2021")
Mahkamah Rayuan	Sekurang-kurangnya : (a) Enam (6) perbicaraan rayuan/ pendengaran notis usul, permohonan jenayah dan semakan jenayah; dan/atau (b) Satu (1) sambung bicara; dan (c) Satu (1) keputusan
Mahkamah Tinggi	Penetapan kes dikekalkan sebagaimana peruntukan dalam perenggan 12 Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 9 Tahun 2021
Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret	(a) Permohonan reman, pertuduhan baharu dan permohonan jenayah pelbagai tertakluk kepada permohonan / pertuduhan yang difailkan; (b) Satu (1) bicara / sambung bicara; (c) Tidak kurang daripada sepuluh (10) pengakuan salah dengan keutamaan kepada

MAHKAMAH	PENETAPAN KES JENAYAH HARIAN
	tertuduh yang ditahan reman / fakta dan hukuman / tarik balik pertuduhan / kes-kes yang sedia untuk dipindahkan ke Mahkamah Tinggi; dan / atau (d) Dua (2) keputusan

13. Walau apa pun peruntukan di perenggan 11 dan 12, apa-apa perubahan berhubung dengan penetapan jenis kes dan jumlah kes harian di Mahkamah Terbuka boleh dibuat berdasarkan arahan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa seperti yang berikut:

BIL.	KUASA UNTUK MENGELUARKAN ARAHAN	MAHKAMAH
(a)	YAA Ketua Hakim Negara	Mahkamah Persekutuan
(b)	YAA Presiden Mahkamah Rayuan	Mahkamah Rayuan
(c)	YAA Hakim Besar Malaya	Mahkamah Tinggi Malaya, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di Semenanjung
(d)	YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak	Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di Sabah dan Sarawak

14. Semua prosiding yang telah dijadualkan hendaklah dijalankan sehingga selesai mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan sebarang penangguhan adalah tidak dibenarkan.

PENGURUSAN KES

15. Pengurusan kes sivil hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana yang diperuntukkan dalam Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021.

16. Semasa pengurusan kes sivil bagi prosiding perbicaraan atau sambung bicara, Peguam Kanan Persekutuan / Peguam Persekutuan / Peguam hendaklah memaklumkan kepada Mahkamah perkara-perkara yang berikut:

(a) bilangan saksi yang terlibat, anggaran tempoh masa yang diambil bagi satu-satu saksi, status keberadaan saksi, jadual kehadiran saksi dalam sesuatu prosiding dan status COVID-19 atau kesihatan saksi;

(b) anggaran masa yang akan diambil untuk keseluruhan prosiding;

(c) keperluan untuk mendapatkan khidmat jurubahasa asing, sekiranya diperlukan oleh anak guam atau saksi semasa memberikan keterangan;

(d) jika pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding termasuk dalam kategori berisiko atau menghadapi kesukaran untuk hadir ke

Mahkamah, permohonan awal untuk penangguhan hendaklah dibuat; dan

(e) apa-apa perkara lain berhubung dengan kes tersebut yang difikirkannya sesuai dan wajar.

17. Pengurusan kes jenayah hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh mengikut kesesuaian kes dan pihak-pihak yang terlibat.

18. Semasa pengurusan kes jenayah bagi prosiding perbicaraan atau sambung bicara, Timbalan Pendakwa Raya / Peguam hendaklah memaklumkan kepada Mahkamah perkara-perkara yang berikut:

(a) bilangan saksi yang terlibat, anggaran tempoh masa yang diambil bagi satu-satu saksi, jadual kehadiran saksi dalam sesuatu prosiding dan status COVID-19 atau kesihatan saksi;

(b) anggaran masa yang akan diambil untuk keseluruhan prosiding;

(c) keperluan untuk mendapatkan khidmat jurubahasa asing, sekiranya diperlukan oleh tertuduh atau saksi semasa memberikan keterangan;

(d) maklumat daripada institusi penjara berhubung dengan status COVID-19 atau kesihatan tertuduh;

(e) jika pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding termasuk dalam kategori berisiko atau menghadapi kesukaran untuk hadir ke

Mahkamah, permohonan awal untuk penangguhan hendaklah dibuat; dan

(f) apa-apa perkara lain berhubung dengan kes tersebut yang difikirkannya sesuai dan wajar.

19. Bagi memastikan kelancaran prosiding pengakuan salah / fakta dan hukuman / tarik balik pertuduhan dan kes-kes yang sedia untuk dipindahkan ke Mahkamah Tinggi, semasa pengurusan kes Timbalan Pendakwa Raya hendaklah memaklumkan Mahkamah bahawa—

(a) semua ekshibit / laporan kimia / laporan akhlak / apa-apa laporan sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang berkaitan dengan kes tersebut telah tersedia; atau

(b) keputusan representasi telah diperoleh.

20. Pengurusan kes sivil dan pengurusan kes jenayah terakhir hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya dalam masa tiga (3) hari atau dalam apa-apa tempoh masa yang bersesuaian sebelum perbicaraan untuk mengelakkan sebarang penangguhan pada hari perbicaraan.

TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING KES SIVIL DAN JENAYAH

21. Tatacara pengendalian prosiding kes sivil di Mahkamah Terbuka adalah sebagaimana dalam **Lampiran A**.

22. Tatacara pengendalian prosiding kes jenayah di Mahkamah Terbuka adalah sebagaimana dalam **Lampiran B**.

BUDI BICARA MAHKAMAH

23. Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam Arahan ini, Mahkamah boleh menggunakan budi bicara dalam menentukan tatacara dan perkara berkaitan pengendalian prosiding kes sivil dan kes jenayah semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa III.

HAD KEHADIRAN KE PROSIDING DI MAHKAMAH TERBUKA

24. Walau apa pun peruntukan undang-undang atau arahan yang dikeluarkan berhubung dengan perkara ini dan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 3 Akta 829, kehadiran mana-mana orang ke prosiding di Mahkamah terbuka boleh dihadkan.

PELAKSANAAN PENGHAKIMAN

25. Tertakluk kepada budi bicara Mahkamah, permohonan pelaksanaan penghakiman boleh dipertimbangkan.

PERUNTUKAN PERALIHAN

26. Apa-apa urusan dan prosiding kes sivil dan kes jenayah yang dikendalikan menurut arahan berhubung dengan Operasi Mahkamah Semasa Pelaksanaan *'Total Lockdown'* Fasa Pertama Berkuat Kuasa Mulai 1 Jun 2021 yang telah dikeluarkan pada 29 Mei 2021 dan Arahan Ketua Hakim Negara Bilangan 9 Tahun 2021 yang telah berkuat kuasa mulai 5 Julai 2021 yang belum selesai sebelum berkuat kuasanya Arahan ini hendaklah, dengan mula berkuat kuasanya Arahan ini, diperlakukan (*shall be dealt with*) mengikut peruntukan di bawah Arahan ini.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

27. Arahan ini mula berkuat kuasa pada **12 Ogos 2021**.

TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT
Ketua Hakim Negara
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Presiden
Sabah Law Society
Sabah

Presiden
Advocate Association of Sarawak
Sarawak

LAMPIRAN A

TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING KES SIVIL DI MAHKAMAH TERBUKA

1. Bagi prosiding kes sivil yang dijalankan di Mahkamah terbuka, perkara-perkara yang berikut hendaklah dipatuhi:

(a) tiada seorang pun dibenarkan hadir ke prosiding di Mahkamah terbuka kecuali—

(i) pihak Perayu / Pemohon / Plaintif;

(ii) pihak Responden / Defendan;

(iii) dua orang ahli keluarga;

(iv) tidak lebih daripada dua orang Peguam Kanan Persekutuan / Peguam Persekutuan / Peguam bagi pihak-pihak satu-satu kes, atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah; dan

(v) mana-mana pihak lain mengikut keperluan peruntukan undang-undang yang berkaitan atau diarahkan oleh Mahkamah untuk hadir; dan

(b) bagi anak guam / anak guam-anak guam yang diwakili oleh peguam, sekiranya pihak-pihak bersetuju—

(i) kehadiran anak guam / anak guam-anak guam secara fizikal di Mahkamah terbuka boleh dikecualikan; dan

(ii) anak guam / anak guam-anak guam boleh menyertai persidangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh; dan

(c) pihak-pihak hendaklah hadir mengikut masa yang telah ditetapkan dan Peguam hendaklah memastikan bahawa hanya anak guam / anak guam-anak guam yang dipanggil sahaja dibenarkan untuk berada dalam Mahkamah terbuka.

2. Peguam Kanan Persekutuan / Peguam Persekutuan / peguam / pegawai yang diberi kuasa di bawah peruntukan undang-undang untuk mengendalikan kes di Mahkamah hendaklah memastikan bahawa hanya saksi—

(a) yang dijadualkan untuk memberi keterangan pada hari yang berkenaan sahaja dibenarkan hadir ke Mahkamah; dan

(b) yang dipanggil untuk memberi keterangan sahaja dibenarkan untuk berada dalam Mahkamah terbuka.

3. Setiap sesi perbicaraan hendaklah diberikan masa rehat selepas setiap 90 minit sesi perbicaraan berlangsung.

LAMPIRAN B

TATACARA PENGENDALIAN PROSIDING KES JENAYAH DI MAHKAMAH TERBUKA

1. Bagi prosiding kes jenayah yang dijalankan di Mahkamah terbuka, perkara-perkara yang berikut hendaklah dipatuhi:

(a) tiada seorang pun dibenarkan hadir ke prosiding di Mahkamah terbuka kecuali—

(i) pihak tertuduh;

(ii) tidak lebih daripada dua orang Timbalan Pendakwa Raya atau Peguam yang mewakili tertuduh bagi satu-satu kes atau apa-apa bilangan yang dibenarkan oleh Mahkamah;

(iii) dua orang ahli keluarga tertuduh; dan

(iv) mana-mana pihak lain mengikut keperluan peruntukan undang-undang yang berkaitan atau diarahkan oleh Mahkamah untuk hadir;

(b) bagi tertuduh / tertuduh-tertuduh yang diwakili oleh peguam, sekiranya pihak-pihak bersetuju—

(i) kehadiran tertuduh / tertuduh-tertuduh secara fizikal di Mahkamah terbuka boleh dikecualikan; dan

(ii) tertuduh / tertuduh-tertuduh boleh menyertai persidangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh; dan

(c) pihak-pihak hendaklah hadir mengikut masa yang telah ditetapkan dan Timbalan Pendakwa Raya hendaklah memastikan bahawa hanya tertuduh / tertuduh-tertuduh yang dipanggil sahaja dibenarkan untuk berada dalam Mahkamah terbuka.

Pengendalian Prosiding Rayuan, Notis Usul, Permohonan Jenayah dan Semakan Jenayah di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi

2. Semua prosiding bagi rayuan jenayah, notis usul, permohonan jenayah dan semakan jenayah hendaklah ditetapkan secara berperingkat mengikut masa yang ditetapkan dan seboleh-bolehnya hendaklah diselesaikan pada hari yang sama.

Pengendalian Prosiding Bicara / Sambung Bicara

3. Semua prosiding bicara / sambung bicara hendaklah dijalankan sehingga selesai mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan sebarang penangguhan adalah tidak dibenarkan.

4. Timbalan Pendakwa Raya / Peguam hendaklah memastikan bahawa hanya saksi—

(a) yang dijadualkan untuk memberi keterangan pada hari yang berkenaan sahaja dibenarkan hadir ke Mahkamah; dan

(b) yang dipanggil untuk memberi keterangan sahaja dibenarkan untuk berada dalam Mahkamah terbuka.

5. Setiap sesi perbicaraan hendaklah diberikan masa rehat selepas setiap 90 minit sesi perbicaraan berlangsung.

Pengendalian Prosiding Pengakuan Salah / Fakta Dan Hukuman / Tarik Balik Pertuduhan / Kes Yang Sedia Untuk Dipindahkan Ke Mahkamah Tinggi Dan Keputusan

6. Semua prosiding Pengakuan Salah / Fakta Dan Hukuman / Tarik Balik Pertuduhan / Kes Yang Sedia Untuk Dipindahkan Ke Mahkamah Tinggi dan Keputusan hendaklah ditetapkan secara berperingkat dan pihak-pihak hendaklah hadir mengikut masa yang telah ditetapkan.